



Fail kami : Kop/DBP/MAT Ke-22 (2)
Tarikh : 22 Oktober 2021
15 Rabiu Awal 1443H

**Semua Anggota
Koperasi DBP Malaysia Berhad**

Salam.

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE-12 (TAHUN 2021)

Dengan hormatnya dimaklumkan bersesuaian dengan **Perkara 26 (3) Undang-Undang Kecil Koperasi**, **Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-12** akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat mengikut kawasan seperti jadual dilampirkan.

2. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut:-
 - 2.1 Ucapan Pengurus Anggota Lembaga Koperasi;
 - 2.2 Pelantikan Pengurus Mesyuarat;
 - 2.3 Pelantikan Setiausaha Mesyuarat;
 - 2.4 Menimbangkan Draf Akaun 2020;
 - 2.5 Menimbangkan Draf Belanjawan 2022/2023;
 - 2.6 Cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi; jika ada;
 - 2.7 Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan;
 - 2.8 Menimbang usul, jika ada;
3. Sehubungan dengan itu menurut **Perkara 26 (4) Undang-Undang Kecil**, hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran penuh RM100.00 syer anggota (saham wajib) dua (2) bulan sebelum Mesyuarat Agung Kawasan berhak menerima notis untuk menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan ini dan mempunyai satu (1) undi serta serta layak menjadi seorang Perwakilan ke Mesyuarat Agung Tahunan sekiranya terpilih.
4. Anggota yang berhasrat menawarkan diri atau mencadangkan anggota lain sebagai calon perwakilan ke Mesyuarat Agung Tahunan bolehlah mengemukakan borang pencalonan yang disertakan bersama-sama notis ini. Pihak uruselia akan menghubungi anggota yang menawarkan diri atau mencalonkan anggota lain sebagai perwakilan bagi tujuan pengesahan.

KOPERASI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MALAYSIA BERHAD (4715)

• Aras 5, Blok B,
Wisma DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur

• 603-2145 5503 (Pejabat)
603-2145 5501 (Kedai Buku)
603-2145 5502 (Kedai Buku)
• 603-2145 5505

• koperasidewan@gmail.com
• www.kooodbo.com.my

5. Proses pengundian akan dibuat semasa Mesyuarat Agung Kawasan berlangsung melalui aplikasi google form. Sila ambil perhatian pemilihan Perwakilan hanya dibenarkan kepada calon yang hadir dalam mesyuarat ini dan memenuhi syarat Perkara 26 (4) Undang-Undang Kecil.


6. Borang pencalonan perwakilan, usul dan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi juga boleh didapatkan di pejabat Koperasi di Aras 5, Blok B, Wisma DBP atau dimuat turun di laman web Koperasi di alamat www.koopdbp.com.my. Semua dokumen berkaitan mesyuarat ini boleh dihantar melalui **emel ke koperasidewan@gmail.com, whatapp ke talian 014-328 2770** atau serahan tangan ke pejabat Koperasi selewat-lewatnya pada **3 November 2021 jam 5.00 petang**.

7. Koperasi tidak menanggung sebarang kos yang berkaitan perjalanan dan penginapan untuk menghadiri mesyuarat ini.

Kerjasama dan sokongan tuan/puan kepada Koperasi kita amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Salam hormat,
KOPERASI DBP MALAYSIA BERHAD


AZIZULKARIM BIN IBRAHIM

Setiausaha

s.k.

Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Wilayah Persekutuan

LAMPIRAN

JADUAL MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE-12 (TAHUN 2021)

<u>KAWASAN 1</u>	
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MENARA DBP, KUALA LUMPUR	
Tarikh	: 12 November 2021 (Jumaat)
Masa	: 3.00 petang
Tempat	: Dewan Seminar, Aras 6 Blok B, Wisma DBP, Kuala Lumpur
Jumlah Anggota : 319	
Bil. Perwakilan : 20	
<u>KAWASAN 2</u>	
DEWAN BAHASA & PUSTAKA HULU KELANG, SELANGOR	
Tarikh	: 11 November 2021 (Khamis)
Masa	: 11.45 pagi
Tempat	: Dewan Serbaguna, Kompleks DBP Hulu Kelang, Selangor
Jumlah Anggota : 63	
Bil. Perwakilan : 5	



**MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE-12 (TAHUN 2021)
KOPERASI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MALAYSIA BERHAD**

**BORANG PENCALONAN
PERWAKILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2021**

Saya,

No. Kad pengenalan No. Anggota

dengan ini menawarkan diri / mencalonkan

No. Kad pengenalan No. Anggota

sebagai Perwakilan ke Mesyuarat Agung Tahunan bagi sesi tahun 2021-2022.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

No. Anggota :

Nota:

Borang yang telah diisi butirannya hendaklah dihantar ke pejabat Koperasi sebelum tarikh akhir mengikut kawasan seperti dalam Notis Mesyuarat.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KE-12 (TAHUN 2021)
KOPERASI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MALAYSIA BERHAD

**BORANG CADANGAN USUL /
PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL**

Perkara: (Isikan bil perkara dalam Undang-Undang Kecil sekiranya cadangan pindaan)	
Ulasan Usul atau Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil:	

Sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi

Nama :

Tandatangan : No. Anggota :

Penyokong (jika ada):

Nama :

Tandatangan : No. Anggota :

Nota:

Pencadang diwajibkan hadir ke Mesyuarat Agung Kawasan untuk membentang usul atau cadangan pindaan yang telah dikemukakan.